

(sabdamu ini) kepada orang ramai, supaya mereka gembira?” Nabi s.a.w berkata: “Nanti mereka berpangku tangan saja.”¹³⁰ Tetapi Mu’aaz menyampaikannya juga ketika beliau hampir meninggal dunia, lantaran takut berdosa (kerana tidak menyampaikan hadits itu).¹³¹

باب الحكم على الظاهر في إسلام الشخص وحسن الظن بكمال إيمانه وصحة إسلامه

*Bab Menghukum Secara Zahir Tentang Islamnya Seseorang, Bersangka Baik Tentang Sempurna Imannya Dan Betul Islamnya.*¹³²

٢٩ - عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ الرَّبِيعِ عَنْ عَثْمَانَ بْنِ مَالِكٍ قَالَ قَدِمْتُ الْمَدِينَةَ فَلَقِيْتُ عِثْبَانَ فَقُلْتُ حَدِيثُ بَلْعَنِي عَنْكَ قَالَ أَصَابَنِي فِي بَصَرِي بَعْضُ الشَّيْءِ فَبَعَثْتُ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنِّي أَحْبْتُ أَنْ تَأْتِيَنِي فَتُصَلِّيَ فِي

masuk neraka kerana amalan buruk yang telah dilakukannya tetapi ia tidak akan kekal di dalamnya. Jadi haram yang dimaksudkan di sini ialah haram kekal di dalam neraka. (2) Haram neraka ke atasnya kalau Allah mengampunkannya, tetapi kalau Allah tidak mengampunkannya maka tidak haram neraka itu kepadanya. (3) Haram neraka kepadanya bererti haram neraka yang disediakan khusus untuk orang-orang kafir dengan tujuan menghina dan menyiksa mereka semata-mata, adapun neraka untuk tujuan menyucikan dosa-dosanya, maka tidak haram kepadanya. (4) Mengikut pendapat Imam Bukhari pula, maksudnya ialah orang yang mengucapkan dua kalimah syahadah yang telah melakukan dosa besar, tetapi bertaubat dan menyesal atas perbuatannya lalu mati dalam keadaan tidak sempat membuat apa-apa amalan kebaikan pun selepas itu. (5) Mengikut Hasan al-Bashri, Abu Zur'ah ar-Razi dan Wahab bin Munabbih, syahadatain (ucapan dua kalimah syahadah) itu adalah seperti anak kunci, manakala amalan pula seperti gigi-gigi kunci.

¹³⁰ Orang-orang jahil mungkin akan memakai hadits ini secara zahirnya sahaja dengan melakukan amalan-amalan yang wajib dan fardhu semata-mata, tetapi mengabaikan segala amalan-amalan sunat. Boleh jadi juga mereka langsung tidak beramal kerana berpegang dengan zahirnya spt pegangan golongan Murji'ah dan Jahmiyyah.

¹³¹ Antara sebab mengapa Mu'aaz tidak memberitahu hadits ini kepada umum buat sekian lama ialah kerana: (1) Nabi s.a.w melarangnya. (2) Mu'aaz bagaimanapun memberitahu juga hadits ini di saat-saat akhir hayatnya kerana beliau sedar ada firman Allah ini: وَلَا تَكْتُمُونَهُ yang bermaksud: Janganlah kamu menyembunyikan ajaran Allah s.w.t. dan hadits Nabi s.a.w yang bermaksud: Barangsiapa yang menyembunyikan ilmu, dia akan dikekang dengan kekang daripada api neraka. Juga hadits Nabi s.a.w yang bermaksud: Sampaikanlah daripadaku walaupun hanya satu ayat. (3) Hadith ini tidak berkaitan dengan sah atau tidaknya amalan seseorang, tetapi ia hanya sebagai Tabsyir (berita gembira dan penenang) sahaja.

¹³² Imam Nawawi, Sanusi dan Qadhi 'Iyaadh tidak membuat sebarang tajuk untuk hadits ini. Al-Ubbi pula hanya membuat tajuk باب حديث عثبان sahaja di sini.

مَنْزِلِي فَأَتَيْتُهُ مُصَلِّي قَالَ فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمَنْ شَاءَ اللَّهُ مِنْ أَصْحَابِهِ فَدَخَلَ وَهُوَ يُصَلِّي فِي مَنْزِلِي وَأَصْحَابُهُ يَتَحَدَّثُونَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ أَسْتَدُوا عَظَمَ ذَلِكَ وَكَبُرَهُ إِلَى مَالِكِ بْنِ دُخْشَيْمٍ قَالُوا وَدُّوا أَنَّهُ دَعَا عَلَيْهِ فَهَلَكَ وَوَدُّوا أَنَّهُ أَصَابَهُ شَرٌّ فَقَضَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الصَّلَاةَ وَقَالَ أَلَيْسَ يَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنِّي رَسُولُ اللَّهِ قَالُوا إِنَّهُ يَقُولُ ذَلِكَ وَمَا هُوَ فِي قَلْبِهِ قَالَ لَا يَشْهَدُ أَحَدٌ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنِّي رَسُولُ اللَّهِ فَيَدْخُلُ النَّارَ أَوْ تَطْعَمَهُ قَالَ أَنَسٌ فَأَعْجَبَنِي هَذَا الْحَدِيثُ فَقُلْتُ لِأَنِّي أَكْتُبُهُ فَكُتِبَ

29 - Anas bin meriwayatkan, katanya: Mahmud bin ar-Rabi' meriwayatkan kepadaku tentang 'Itbaan bin Maalik.¹³³ Kata perawi (Mahmud bin Ar-Rabi'): Aku pergi ke Madinah lalu berjumpa dengan 'Itbaan bin Maalik. Aku berkata (kepadanya): Ada satu hadits riwayatmu sampai kepadaku. Kata 'Itbaan: "Mataku sedikit bermasalah.¹³⁴ Kerananya aku mengutus seseorang membawa pesanku kepada Rasulullah s.a.w. agar baginda s.a.w. datang ke rumahku dan bersembahyang di rumahku untuk ku jadikan tempat beliau bersembahyang itu sebagai tempat sembahyangku. Katanya: "Nabi s.a.w pun datang bersama beberapa orang sahabatnya lalu beliau masuk dan bersembahyang di rumahku. Ada beberapa orang sahabatnya sedang bercakap-cakap sesama mereka. Percakapan mereka akhirnya sampai kepada perihal perkara besar (perkara tidak elok) yang telah dilakukan oleh Malik bin Dukhsyum.¹³⁵ Mereka ingin, kiranya Rasulullah s.a.w. mendoakan supaya dia celaka dan ditimpa sesuatu malapetaka. Setelah Rasulullah s.a.w. selesai bersembahyang, baginda bertanya: "Bukankah dia telah bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawa aku ini Rasulullah?" Jawab mereka, "Dia mengucapkannya tidak dari hatinya." Nabi s.a.w pun bersabda: "Tiada siapapun yang

¹³³ Beliau ialah 'Itbaan bin Maalik bin 'Amar bin 'Ajlaan al-Anshaari. Seorang sahabat Nabi s.a.w. yang telah menyertai Perang Badar (Ahli Badar). Bukhari, Muslim, Abu Daud, Nasaa'i dan Ibnu Majah ada meriwayatkan hadits daripadanya. 'Itbaan wafat di Madinah di zaman pemerintahan Saiyyidina Mu'aawiah r.a.

¹³⁴ Kurang nampak atau rabun. Di dalam riwayat lain disebutkan buta.

¹³⁵ 'Ulama' berbeza pendapat tentang beliau sempat atau tidak dengan Bai'ah 'Aqabah, tetapi mereka sepakat mengatakan beliau sempat menyertai perang Badar dan perang-perang yang lain selepasnya. Kata Imam Nawawi: Rasulullah s.a.w telah menyatakan bahawa beliau telah beriman dengan sepenuh hati dan tidak berpura-pura menerusi sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari: *ألا تراه قال لا إله إلا الله بيتغي بها وجهه الله تعالى* (Tidakkah engkau lihat dia telah mengucapkan لا إله إلا الله dengan ikhlas kerana Allah?). Dengan itu, tidak boleh lagi diragui tentang kebenaran imannya.